

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah laporan interim dan laporan akhir akan dibentangkan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu telah diadakan pada 17 Disember 2018, empat bulan sudah lalu, dan laporan akhir pada enam bulan selepas mesyuarat itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah meneliti isu-isu yang dibincangkan dan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan hasil dari rundingan semua pihak berkepentingan. Laporan Interim telah dibentangkan pada 17 Mei 2019 dan Laporan Akhir Jawatankuasa tersebut dijangka akan disediakan pada bulan Julai 2019 berdasarkan hasil semakan yang telah dibuat beserta dengan cadangan hala tuju untuk diangkat kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.